



## Cabaran dan strategi ke arah pembentukan komuniti lestari

Siti Khatijah Zamhari<sup>1</sup>, Christopher Perumal<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak

Correspondence: Siti Khatijah Zamhari (email: zskhatijah@fss.unimas.my)

### Abstrak

Ruang bandar seharusnya dibangunkan bagi memenuhi tuntutan kelestarian dan daya huni melalui pembentukan polisi bandar. Pertambahan penduduk disertai dengan proses pambangunan dilihat memberi tekanan kepada alam sekitar. Penggunaan penduduk bukan lagi tertakluk kepada keperluan tetapi lebih kepada memenuhi kehendak. Lantaran daripada itu, trend penggunaan masyarakat dilihat kian berubah dan ini memerlukan suatu penelitian mengapa trend tersebut berlaku. Trend penggunaan yang berubah ini dilihat sebagai satu cabaran dalam membentuk komuniti lestari. Oleh itu, makalah ini dihasilkan untuk mengenalpasti cabaran dan strategi dalam membentuk komuniti lestari. Pendekatan kualitatif digunakan dalam menghasilkan makalah ini dengan menggunakan data sekunder melalui analisis kandungan. Trend penggunaan, kurangnya didikan formal serta masalah pentadbiran pihak berkuasa tempatan merupakan antara cabaran yang perlu dihadapi dalam membentuk komuniti lestari. Pengukuhan undang-undang serta pembinaan keupayaan komuniti adalah antara strategi yang perlu giat dijalankan sebagai usaha untuk membentuk komuniti lestari. Tanggugjawab untuk membentuk komuniti lestari ini tidak hanya digalas oleh pihak kerajaan semata-mata tetapi memerlukan usaha dan kerjasama pelbagai pihak.

**Kata kunci:** komuniti lestari, trend penggunaan, pendidikan formal, pengurusan sisa pepejal, pembinaan keupayaan, undang-undang.

## Challenges and strategies towards a sustainable community

### Abstract

Urban space should be developed to meet the demands of sustainability and livability through the establishment of urban policy. However, population growth together with rapid urbanization seems to put pressure on the environment. Consumption is no longer a privilege but a necessity. Hence, there is a changing consumption pattern among the urban community. This paper will analyze the challenges and strategies in developing a sustainable community. This paper is drawn upon secondary data using content analysis in identifying the challenges and strategies to develop a sustainable community. Changing consumption pattern, lack of formal education and administrative problem faced by local authorities are the challenges in establishing sustainable community. To address these challenges, the law should be strengthened and the community should be empowered in order for the nation to achieve a sustainable community. These responsibilities should not only be carried out by the government but it also required the effort and cooperation from various groups to ensure the development of sustainable community

**Keywords:** sustainable community, changing consumption, formal education, solid waste management, capacity building, laws.

## Pengenalan

Kelestarian sering kali didengar dan digunapakai pada masa kini. Namun, sejauh manakah masyarakat mampu menghayati konsep kelestarian itu sendiri? Bagaimanakah konsep kelestarian ini dapat membantu dalam melahirkan pengguna yang dapat mengimbangkan antara ekosistem alam sekitar dan memastikan kesejahteraan hidup? Konsep kelestarian ini merupakan satu paradigm pemikiran futuristik dengan mengambil kira keseimbangan persekitaran, ekonomi dan sosial dalam merancang pembangunan dan peningkatan kualiti hidup. Dengan kata yang mudah, ia merupakan satu konsep yang mendasari prinsip bahawa semua keperluan untuk hidup dan kesejahteraan bergantung secara langsung mahupun tidak langsung terhadap semula jadi.

Kita sedari bahawa pembangunan ekonomi dan teknologi dunia kini semakin canggih untuk memenuhi keperluan penduduk yang semakin meningkat. Lantaran itu, pembangunan dari segi infrastruktur kian rancak dilaksanakan yang meliputi keperluan sosial dan ekonomi manusia. Keperluan sosial seperti akses kepada kesihatan, pendidikan, rekreasi dan perumahan dilihat sebagai elemen penting dalam memenuhi kesejahteraan penduduk. Tanpa disedari, keperluan kepada pembangunan infrastruktur sebegini mengundang kepada masalah kemusnahan alam semula jadi. Aktiviti pembersihan hutan giat dijalankan atas nama pembangunan sehingga mengakibatkan kemusnahan habitat, flora dan fauna. Selain itu, bencana alam juga sering kali berlaku tanpa diduga dan ia memberi sedikit kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya menjaga dan menghargai alam semula jadi. Oleh itu, badan antarabangsa telah memperkenalkan konsep Alam Sekitar Lestari yang menekankan aspek kebersihan, keselesaan dan kesejahteraan alam sekitar itu sendiri. Dalam usaha untuk menjayakan alam sekitar lestari, pembangunan lestari mula diperkenalkan (Nur Nabillah Abdullah, 2008).

Pembangunan lestari mendasari pembangunan ekonomi dan sosial selepas persidangan alam sekitar sedunia di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992. Persidangan tersebut mengambil kira pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan alam sekitar bagi membolehkan generasi kini terus menikmati manfaat pembangunan tanpa menjejaskan peluang generasi akan datang untuk menikmati manfaat pembangunan masa hadapan (Abdul Samad Hadi et al., 2004). Konsep pembangunan lestari ini memperlihatkan usaha pembangunan ekonomi yang menuntut kepada keseimbangan penjagaan alam sekitar terutama berkaitan dengan eksploitasi sumber dan penjagaan alam sekitar setelah sumber dieksploitasi. Bukan itu sahaja, pembangunan lestari ini turut menuntut bagi mendapatkan kesejahteraan penduduk dan negara. Ia seperti satu pertukaran antara pembangunan ekonomi dan penjagaan alam sekitar. Pembangunan ekonomi masih boleh dilaksanakan dengan syarat penjagaan alam sekitar turut ditekankan pada masa yang sama (Mariani Hmbu, 2008; Abdul Samad Hadi et al., 2004).

Konsep pembangunan lestari ini merupakan satu usaha untuk menjaga kesejahteraan persekitaran fizikal yang mana persekitaran fizikal ini dihuni oleh sekumpulan manusia yang akan berusaha untuk memastikan persekitaran fizikal tersebut berada dalam keadaan yang baik serta mampu memenuhi keperluan untuk hidup. Usaha ke arah pencapaian kualiti hidup yang baik bukan sahaja dilihat dari segi persekitaraan binaan yang memberi keselesaan kepada penduduk malah keupayaan persekitaran tersebut menyediakan peluang ekonomi kepada penduduk. Seiring dengan konsep pembangunan lestari, kehidupan yang berkualiti juga menuntut kepada keseimbangan ekonomi dan juga penjagaan alam sekitar. Ahmad Syahir Sarani (2008) telah menjelaskan bahawa kehidupan berkualiti melibatkan perubahan dalam masyarakat dan sistem sosial yang bermula daripada kesedaran setiap individu tersebut untuk mengamalkan cara hidup yang sihat, berupaya mengecapi segala keperluan untuk kelangsungan hidup dan bebas untuk mengembangkan potensi yang ada pada diri individu tersebut. Setiap individu yang mempunyai matlamat yang sama akan membentuk satu komuniti yang saling bekerjasama dan menghormati antara satu sama lain dalam persekitaran alam sekitar yang sama (Ibrahim Ngah 2009). Dalam usaha untuk mencapai kepada pembangunan lestari, komuniti lestari perlu dibentuk berdasarkan kepada prinsip-prinsip kelestarian iaitu keseimbangan antara ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Dalam kehidupan seharian, masyarakat tidak dapat lari daripada budaya kepenggunaan dan konsumerisme. Masyarakat meletakkan nilai dan kepercayaan material sebagai pengukur kejayaan dan cara hidup dan ini menghakis nilai murni dan cara hidup tradisi yang telah diamalkan secara turun-

temurun. Kepelbagaian barangan dan perkhidmatan di pasaran dilihat mempengaruhi masyarakat untuk berbelanja secara berlebihan. Gaya hidup yang dahulunya lebih bersifat sederhana kini ditonjolkan melalui kepelbagaian barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan bermula daripada keperluan asas seperti makanan, pakaian sehingga kepada alat telekomunikasi. Ini secara tidak langsung menyebabkan permintaan terhadap sumber semula jadi untuk menghasilkan barangan tersebut turut meningkat dan ini akan mengakibatkan penyusutan sumber alam semula jadi (Mohamad Fazli & Jariah, 2005; Nik Fuad & Noraien, 2007; Katiman & Asmah, 2006).

Bagi mengurangkan masalah penyusutan sumber semula jadi ini, amalan penggunaan lestari perlu diperkenalkan kepada masyarakat melalui pendidikan yang akan memberi kesedaran dan kefahaman tentang pentingnya penjagaan alam sekitar untuk generasi masa akan datang. Hal ini demikian kerana pengetahuan tentang penjagaan alam sekitar ini penting bagi menimbulkan kesedaran sekali gus melahirkan individu yang mempunyai tingkah laku yang positif terhadap alam sekitar (Kollmuss & Agyeman, 2002). Pendidikan yang diberi secara formal ataupun tidak formal mampu untuk mengukuhkan lagi kesedaran terhadap alam sekitar di semua peringkat umur dan diharap ia mampu untuk memberikan rasa tanggungjawab kepada individu untuk menjadi pengguna yang lestari (Ruhizan & Norzaini, 2005).

Malaysia turut menaruh harapan untuk melahirkan pengguna yang lestari, namun tahap pengetahuan dan amalan penggunaan lestari masih berada pada tahap yang rendah. Pembangunan masa kini telah menimbulkan masalah pencemaran dan kemerosotan kualiti alam sekitar. Menurut Laily (2009), kemajuan secara umumnya diukur melalui dua aktiviti penting iaitu pengeluaran dan penggunaan. Tumpuan pada masa kini adalah kepada aspek penggunaan dan budaya pengguna kerana proses penggunaan menjadi penentu kepada apa, berapa banyak dan bagaimana barangan yang diperlukan dan dikehendaki oleh pengguna dikeluarkan. Permintaan ke atas barang pengguna yang semakin bertambah ini mengakibatkan peningkatan penerokaan dan penggunaan sumber alam. Sikap tidak ambil peduli menyebabkan masyarakat terus meneroka alam semula jadi tanpa memikirkan akibat yang bakal diterima hasil daripada eksploitasi tersebut. Kerakusan pengeluar dalam menghasilkan barangan demi untuk mengaut keuntungan kerana adanya permintaan daripada pengguna juga memperlihatkan keadaan alam semula jadi kian merosot. Kadar penggunaan pada masa kini jauh melebihi kadar penggantian yang berlaku secara semula jadi (Katiman & Asmah, 2006). Implikasinya kesejahteraan hidup manusia semakin terabai akibat kemerosotan sumber dan kualiti alam sekitar. Oleh itu, penggunaan lestari yang mengarah kepada keseimbangan antara aspek persekitaran, sosial dan ekonomi perlu diterapkan dalam kehidupan.

## **Konsep komuniti lestari**

Masyarakat atau komuniti yang dibentuk daripada unit kekeluargaan adalah merupakan aset yang penting kepada pembangunan negara. Gabungan asas kepada unit kekeluargaan ini akan membentuk sebuah komuniti yang produktif yang dapat membantu dalam merealisasikan pembangunan sesebuah negara. Institusi agama dan sosiobudaya serta organisasi sosial seperti persatuan penduduk dan kebajikan mampu membentuk komuniti yang memiliki kepercayaan, nilai dan norma yang membolehkan kelestarian itu wujud dalam sesebuah komuniti (Teuku Afrizal & Abdul Rahman, 2013). Oleh itu, komuniti lestari boleh ditakrifkan sebagai komuniti yang mendiami suatu persekitaran yang sama, yang mana persekitaran tersebut mampu menyediakan keperluan komuniti di samping menjamin keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan komuniti. Bukan itu sahaja, komuniti yang lestari akan menghargai, memelihara dan memulihara persekitaran yang didiami dan berusaha untuk mengurangkan kerosakan ke atas alam semula jadi yang menjadi habitat kepada komuniti lestari. Pembentukan komuniti lestari ini akan merangsang kepada pertumbuhan ekonomi yang mapan melalui penyediaan peluang pekerjaan yang lebih berdaya saing serta mampu mempertingkatkan kesejahteraan hidup komuniti setempat. Dalam usaha untuk membentuk komuniti lestari, kejayaan pembentukan tersebut bergantung kepada komitmen serta usaha komuniti itu sendiri untuk bergerak aktif, tersusun serta ambil maklum. Komuniti juga perlu dapat memberi inspirasi dan menjadi aspirasi kepada komuniti lain melalui kepimpinan dan tauladan.

Bertanggungjawab, mengambil berat dan memastikan kebajikan komuniti sentiasa terjamin juga merupakan antara usaha berterusan yang perlu dilakukan bagi membentuk komuniti lestari. Kelestarian itu dapat dicapai sekiranya komuniti itu bertindak sendiri untuk merealisasikan idea pembangunan lestari di tempat mereka sendiri (Ibrahim Ngah 2009).

Setiap individu inginkan kehidupan yang berkualiti yang mana ia merupakan satu bentuk kehidupan yang lebih tersusun dan terurus dalam memenuhi keperluan asas harian. Kelestarian sumber alam seperti udara yang tidak tercemar, air yang bersih, tanah dan sumber semula jadi lain tidak tercemar memerlukan penglibatan pelbagai pihak kerana terdapat pihak-pihak tertentu yang cuba untuk mengeksploitasi sumber alam secara berlebihan untuk tujuan keuntungan (Tuan Pah Rokiah Syed Hussain et al., 2004). Komuniti juga tidak terkecuali daripada inginkan kehidupan yang berkualiti di suatu kawasan kediaman kerana kawasan tersebut menjadi tempat untuk melangsungkan kehidupan seharian seperti tempat melakukan aktiviti riadah bersama keluarga dan jiran tetangga. Sebagai contoh kawasan kejiranan perlu menitikberatkan aspek keselamatan dan kebersihan dalam memastikan komuniti di kawasan tersebut hidup dengan selesa tanpa rasa terancam. Malaysia sebagai sebuah negara membangun tidak terkecuali daripada mengamalkan unsur kelestarian dalam pembangunan yang mana agenda utama adalah untuk memastikan kualiti kehidupan rakyat Malaysia dapat ditingkatkan. Oleh itu, kesedaran tentang amalan penggunaan lestari di kalangan individu mampu dalam membentuk komuniti lestari yang berupaya untuk memelihara serta memulihara alam sekitar bagi memastikan pembangunan dapat dilaksanakan mengikut keupayaan bumi (Ibrahim Ngah, 2009). Amalan-amalan kelestarian ini penting dalam membantu meningkatkan kualiti hidup komuniti terutama di kawasan kejiranan kerana menurut Long dan Hutchins (2003 dalam Rozilah Kasim t.th):

*“...people continuing want to live in the same community, both now and the future”.*

Komuniti di sesebuah kawasan perlu memastikan kawasan kediaman adalah bersih dan selamat untuk didiami bukan sahaja untuk kegunaan pada masa kini tetapi juga untuk masa hadapan. Kawasan komuniti tersebut mampu menyediakan pelbagai keperluan untuk pengguna seperti penyediaan infrastruktur pendidikan, kesihatan, taman permainan, kedai serbanika dan sebagainya. Kelestarian juga membawa maksud penyediaan persekitaran yang baik untuk kesejahteraan penduduk yang mana ianya berkait rapat dengan aspek pembangunan lestari ke arah kehidupan yang berkualiti (Abdul Samad Hadi et al., 2004). Komuniti sebagai pengguna seharusnya peka dengan keadaan alam sekitar pada masa kini. Hambatan daripada proses globalisasi dan liberalisasi ekonomi, penggunaan di kalangan komuniti menjadi tidak cekap dan memberi impak yang negatif kepada alam sekitar. Hal ini dapat dilihat apabila banyak tapak pelupusan sampah terpaksa ditutup dalam masa dua tahun berikutan peningkatan sisa pepejal yang dihasilkan oleh manusia akibat daripada penggunaan secara berlebihan (Laily Paim et al., 2009; Hasnah Ali et al., 2010).

Dalam membentuk komuniti lestari, adalah perlu untuk menggabungkan tiga prinsip utama yang menjadi tonggak dalam pembangunan lestari iaitu masyarakat, ekonomi dan alam sekitar. Ketika persidangan di Rio de Janeiro pada tahun 1992, manusia dijadikan sebagai sasaran dalam mencapai pembangunan lestari melalui penglibatan oleh semua lapisan masyarakat (Laily Paim et al., 2009). Oleh itu, masyarakat atau komuniti dilihat memainkan peranan penting dalam memastikan kelestarian. Globalisasi dan liberalisasi ekonomi merupakan fenomena yang mampu untuk mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi, teknologi, sosial malah persekitaran. Menurut Laily Paim (2009) pemampatan masa dan ruang menyebabkan kualiti alam sekitar semakin merosot kerana terlalu mementingkan keuntungan. Globalisasi juga menyebabkan budaya kepenggunaan semakin tidak efisien kerana pengguna kini lebih suka membuat pembaziran sehingga mengakibatkan berlakunya pencemaran alam sekitar.

Perancangan yang teliti untuk menjadikan pembangunan mapan ini sebagai suatu idea yang boleh diterima oleh semua lapisan masyarakat perlu dilaksanakan. Sehubungan itu, pemantapan pengetahuan dan amalan kelestarian perlu dilakukan terhadap komuniti bagi melahirkan komuniti yang lestari. Namun, terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi untuk mewujudkan sebuah komuniti yang

lestari. Cabaran ini menjadi faktor penghalang kepada pembangunan lestari yang sepatutnya menjadi agenda utama dalam pentadbiran sesebuah negara bagi melindungi alam sekitar.

Masih terdapat di kalangan masyarakat setempat kurang pengetahuannya tentang kelestarian dan sikap ambil mudah terhadap amalan penggunaan lestari ini. Amalan penggunaan penduduk pada masa kini lebih mengutamakan kepada kehendak berbanding kepada keperluan. Kuasa beli pengguna yang semakin meningkat sehingga mengakibatkan pengguna cenderung untuk membuat pembelian mengikut kehendak dan bukannya keperluan. Amalan penggunaan yang tidak lestari ini secara tidak langsung akan menyebabkan masalah kepada alam sekitar iaitu penghasilan sisa buangan yang berlebihan.

Deklarasi Rio melalui Agenda 21 menyimpulkan bahawa trend pengeluaran dan penggunaan yang tidak lestari terutama oleh negara perindustrian menjadi punca utama kemerosotan alam sekitar (United Nation, 2011). Dalam konteks pembangunan yang berorientasikan gaya hidup mewah ini, pengguna sebenarnya lebih banyak membazir sehingga menyebabkan kemerosotan kualiti alam sekitar (Clapp, 2002). Sehubungan itu, antara tindakan strategik untuk meningkatkan kesejahteraan hidup penduduk dan mengelakkan masalah kemerosotan alam sekitar ialah melalui amalan penggunaan lestari. Penggunaan lestari telah dikenal pasti sebagai asas untuk mencapai pembangunan lestari dalam masyarakat (Siti Marziah, 2008).

## Penggunaan lestari

Pengguna terbahagi kepada dua jenis iaitu pengguna industri dan pengguna akhir. Pengguna industri ialah penggunaan untuk tujuan perdagangan atau organisasi manakala pengguna akhir merujuk kepada pengguna individu yang menggunakan sesuatu produk dan perkhidmatan untuk tujuan peribadi atau isi rumah dan bukannya perdagangan (Zumilah, 2005). Dalam konteks kepenggunaan, definisi pengguna yang akan digunakan ialah pengguna akhir.

Beberapa konsep penggunaan yang dikaitkan dengan pemeliharaan alam sekitar telah diperkenalkan. Antaranya ialah penggunaan lestari, pengguna hijau (*green consumer*) dan barangan mesra alam. Kesemua konsep ini dikemukakan atas kebimbangan sejagat tentang masalah alam sekitar yang boleh mengancam kesejahteraan manusia (Laily & Syuhaily, 2005). Wright (2005) mentakrifkan lestari sebagai satu proses yang boleh dilakukan secara berterusan tanpa mengurangkan sumber-sumber bahan mahupun tenaga yang diperlukan untuk kesinambungan proses itu sendiri.

Dari segi prinsipnya, pengguna lestari menggunakan produk dan perkhidmatan mengikut keperluan dan tidak berlebihan. Pengguna lebih banyak berfikir dan tidak terikut-ikut dengan trend semasa. Konsep penggunaan lestari mengajak kita untuk lebih prihatin, saintifik dan cuba memahami falsafah dan menghayati cara hidup yang memberi keharmonian dan kesejahteraan untuk jangka panjang bukan sahaja untuk generasi masa kini tetapi juga generasi masa akan datang. Menurut Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), antara ciri utama amalan penggunaan lestari adalah:

1. Menggalakkan perbelanjaan berhemat
2. Menjimatkan penggunaan sumber yang tidak boleh diperbaharui seperti air, tenaga dan bahan bakar fosil.
3. Menggunakan bahan-bahan yang tidak menyebabkan impak negatif kepada alam sekitar.
4. Menggunakan teknologi yang bersih dan mesra alam.

Penggunaan lestari adalah cara atau kaedah penambahbaikan berterusan dan perlu dipertingkatkan (Laily 2009). Pengamalan ciri penggunaan lestari ini bukan sahaja dapat menyumbang ke arah persekitaran yang lebih sihat dan pengkalan kehijauan alam malah mampu menjimatkan perbelanjaan (Nik Fuad & Noraien, 2007). The World Health Report (2002), bertemakan *Reducing Risks, Promoting Healthy Life* menyatakan kebanyakan faktor risiko penyebab kematian dikaitkan dengan corak kehidupan terutama tahap penggunaan. Peningkatan penyakit kronik seperti obesiti, darah tinggi, diabetes, penyakit jantung dan beberapa jenis kanser dikaitkan dengan kelebihan penggunaan makanan atau kelebihan pemakanan (*overnutrition*) terutama makanan yang kaya dengan kalori dan lemak.

Secara mudah dan ringkas, konsep penggunaan lestari ini menekankan amalan kesederhanaan dalam kehidupan. Ini kerana hanya dengan mengamalkan kesederhanaan barulah kesejahteraan yang sebenar dapat dicapai. Amalan penggunaan lestari merupakan satu konsep yang amat mudah untuk dipraktikkan oleh pengguna. Dengan mengamalkan gaya hidup lestari ini, pengguna menyumbang ke arah menyelamatkan alam sekitar daripada terus tercemar sekali gus akan meningkatkan kualiti hidup secara umumnya dan tahap kesihatan dan keselamatan secara khususnya.

## Cabaran dalam penggunaan lestari

### *Trend penggunaan*

Secara umumnya penggunaan bermaksud aktiviti menggunakan sesuatu barang atau perkhidmatan demi memenuhi keperluan dan kehendak semasa. Isu globalisasi secara langsung atau tidak langsung mempengaruhi pola penggunaan. Globalisasi merujuk kepada satu fenomena pelbagai dimensi yang meliputi komponen ekonomi, teknologi, sosial, politik, budaya dan lain-lain. Ia juga melibatkan pemampatan masa dan ruang dalam hubungan sosial dan kemunculan kesedaran secara global mengenai pemampatan tersebut (Laily, 2009). Trend penggunaan kini banyak dipengaruhi oleh proses globalisasi pasaran yang wujud. Peningkatan perdagangan barangan dan perkhidmatan secara amnya dilihat sebagai mendatangkan faedah kepada pengguna kerana ia menyediakan banyak pilihan barangan atau perkhidmatan pada harga yang lebih kompetitif (Norhasmah et al., 2002). Trend penggunaan telah diberi penekanan dalam Agenda 21 sebagai salah satu perkara penting yang menyumbang kepada pembangunan lestari. Maka tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan lestari perlu diamalkan oleh semua pihak untuk memastikan sumber dan kualiti alam sekitar dapat memenuhi keperluan masa kini dan tidak menjejaskan keperluan generasi akan datang.

Penggunaan adalah penentu kesejahteraan, pembentukan modal insan dan merupakan input sosial dan ekonomi yang penting kepada fungsi sesebuah negara (Magrabi et al. 1991). Konsep ini melibatkan reformasi dalam aspek permintaan (*demand side*) yang memfokuskan kepada aktiviti pemilikan, penggunaan dan pelupusan, dan bagaimana ia boleh diubah untuk mencapai faedah sosial dan alam sekitar (Laily et al. 2009).

Konsep penggunaan yang sering ditekankan pada masa kini ialah *under consumption* dan *over consumption* iaitu merujuk kepada corak penggunaan di negara tertentu di dunia. *Under consumption* merujuk kepada negara-negara miskin yang mengalami kesukaran untuk mendapatkan keperluan asas seperti makanan, bekalan air bersih, tempat perlindungan dan kemudahan infrastruktur. Manakala konsep *over consumption* pula merujuk kepada negara-negara perindustrian dan maju mengamalkan corak penggunaan yang mewah dan membazir (Laily & Syuhaily, 2005). Penggunaan merupakan satu proses yang meliputi tiga aspek utama iaitu pemilikan, penggunaan dan pelupusan barangan dan perkhidmatan oleh pengguna. Ini bermakna penggunaan bukan hanya terbatas kepada pemilikan tetapi juga meliputi proses pelupusan selepas barangan dan perkhidmatan selepas itu (Laily & Syuhaily, 2005). Maka tindakan manusia dalam penggunaan sememangnya memberi kesan penting kepada alam sekitar kerana melibatkan penggunaan sumber asli. Penggunaan sumber asli yang tidak lestari boleh mengakibatkan pelbagai kesan negatif seperti pencemaran, pemanasan global, kemerosotan sumber serta bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh.

Dalam konteks kehidupan pada masa kini, penggunaan yang tinggi menggambarkan kesejahteraan yang tinggi. Ramai yang percaya bahawa penggunaan yang tinggi adalah baik dan memberi kesenangan serta keselesaan (Princen, 1999). Namun demikian, menurut Welford (2010), pola dan trend penggunaan ini dilihat memberi lebih banyak kesan negatif untuk jangka masa panjang. Ini semua mengancam kesejahteraan dan kehidupan manusia. Keadaan ini menjadi bertambah buruk kerana penggunaan dianggap sebagai aktiviti rekreasi dan untuk meningkatkan ego bukannya untuk memenuhi keperluan semata-mata.

Menurut Maniates (2002:201);

*This docile acceptance of ever-expanding wants and needs leave unchallenged what economist Robert Frank calls 'luxury fever'. Satisfaction with one material life is significantly influenced by how much one spends and consumes relative to others. Beyond some threshold of minimally acceptable consumption, deprivation and abundance become relative conditions easily altered by consumption levels and decisions of benchmark social groups.*

Penggunaan sumber per kapita oleh penduduk didapati meningkat pada kadar yang lebih pesat berbanding kadar pertumbuhan penduduk dunia. Banyaknya golongan penduduk yang hidup selesa serta mewah, terutamanya di negara maju menyebabkan permintaan terhadap barangan pengguna meningkat. Ini menggalakkan peningkatan penerokaan dan penggunaan sumber alam. Pengeksploitasian sumber alam untuk memenuhi permintaan pengguna telah menimbulkan banyak isu alam sekitar seperti pencemaran air dan udara, pemanasan global, banjir kilat, tanah runtuh serta kepupusan spesies haiwan dan tumbuhan tertentu (Katiman & Asmah, 2006; Zaini, 2008). Kesan langsung daripada trend penggunaan ini ialah peningkatan jumlah sisa pepejal dan ini akan mengakibatkan berlakunya masalah dalam pengurusan sisa pepejal.

Penglibatan masyarakat umum dalam mengamalkan prinsip penggunaan lestari dalam kehidupan pula adalah kurang atas alasan tidak mempunyai cukup masa serta terlalu sibuk dengan kerja-kerja lain. Telah banyak program atau kempen kelestarian diadakan, namun sambutan terhadap program tersebut tidak memberangsangkan. Amalan 3R juga menekankan penggunaan semula barangan. Kajian Seow dan Indera Syahrul (2010) mengenai tingkah laku masyarakat terhadap program kitar semula di daerah Batu Pahat, Johor mendapati bahawa sikap komuniti terhadap amalan kitar semula adalah rendah kerana sibuk bekerja dan alasan bahawa amalan kitar semula ini terlalu menyusahkan. Sememangnya ia tidak dapat dinafikan bahawa kelestarian dalam kalangan komuniti memerlukan usaha yang bersepadu bagi membentuk komuniti lestari. Namun, sekiranya sikap jumud masyarakat yang tidak mahu beralih kepada amalan hidup yang lestari menyukarkan lagi pembentukan komuniti lestari seperti yang diinginkan oleh setiap negara membangun. Tidak ramai masyarakat yang mahu mengaplikasikan konsep penggunaan semula barangan kerana menganggap barangan yang telah dipakai bermaksud tidak boleh digunakan semula. Kuasa beli masyarakat yang tinggi membolehkan masyarakat membeli terus barangan yang diinginkan tanpa memikirkan barangan yang sedia ada yang boleh digunakan semula.

### *Pendekatan dalam pendidikan*

Gaya hidup kini yang mementingkan kebendaan menyebabkan semakin ramai mengabaikan amalan kelestarian dalam kehidupan sekali gus menghalang pembentukan komuniti lestari. Pendidikan di awal usia adalah penting kerana ia sebagai satu langkah untuk mendidik masyarakat agar lebih peka kepada kelestarian alam sekitar. Namun apa yang dapat dilihat pada hari ini adalah pendidikan belum memberikan hasil yang baik dalam membentuk komuniti lestari. Pendidikan berlandaskan teori semata-mata belum tentu dapat menjadikan masyarakat sebagai peneraju kepada komuniti lestari. Aspek yang perlu ditekankan dalam pembentukan komuniti adalah bagaimana masyarakat setempat boleh mengaplikasikan konsep kelestarian ini dalam kehidupan. Ia boleh dilaksanakan pada peringkat sekolah yang mana pelajar mula didedahkan dengan amalan kelestarian dan amalan penggunaan yang lestari tersebut. Konsep pembelajaran yang tidak hanya menekankan teori tetapi aspek praktikal juga perlu diketengahkan kepada pelajar bagi mendedahkan pelajar dengan aktiviti penggunaan yang lestari.

### *Masalah pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan*

Cabaran seterusnya dalam membentuk pengguna yang lestari turut dilihat berpunca daripada masalah pentadbiran pihak berkuasa tempatan. Kurangnya pemantauan daripada pegawai yang bertanggungjawab dalam menyelia aktiviti alam sekitar membuatkan masyarakat terus memandangkan ringan isu kebersihan alam sekitar. Hal ini dapat dilihat apabila lebih banyak sisa pepejal yang dijana akibat daripada aktiviti penggunaan. Selain itu, pertambahan bidang kuasa dan masalah kewangan yang dihadapi oleh pihak

berkuasa tempatan turut mengakibatkan pengurusan dan penguatkuasaan undang-undang alam sekitar tidak dapat dilaksanakan dengan baik (Bernama 2006). Menurut Clapp (2002) sekiranya pembuat keputusan tidak mengetahui atau tidak mempunyai maklumat mengenai kesan ekologi dan sosial maka masyarakat hanya mempunyai sedikit insentif atau keupayaan untuk mengubah kebiasaan mereka berkaitan dengan kesan tersebut.

## **Strategi pembentukan pengguna lestari**

Pembangunan keupayaan secara umumnya merujuk kepada semua kegiatan yang mengukuhkan pengetahuan, kemampuan, kemahiran dan perilaku individu serta memperbaiki struktur dan proses sesebuah organisasi secara cekap dan berkesan agar dapat memenuhi misi dan tujuan yang ditetapkan. Konsep ini merujuk kepada bantuan yang diberikan untuk mengembangkan kemahiran dan kompetensi dalam meningkatkan kemampuan dan prestasi. Mengikut United Nation (1992) dalam Agenda 21, bab 37;

*'Specifically, capacity building encompasses the country's human, scientific, technological, organizational, institutional and resource capabilities. A fundamental goal of capacity building is to enhance the ability to evaluate and address the crucial questions related to policy choices and modes of implementation among development options, based on an understanding of environment potentials and limits and of needs perceived by the people of the country concerned'.*

Pembinaan keupayaan menurut Linnell (2003) pula menekankan pembinaan keupayaan individu berkaitan dengan peningkatan pengetahuan, kemampuan, kemahiran teknikal, pengurusan kemahiran dan kepimpinan secara peribadi. Manakala untuk organisasi pula, pembinaan keupayaan berkaitan dengan hampir semua aspek pekerjaan: pembaikan governan, kepimpinan, misi dan strategi, pentadbiran (termasuk sumber daya manusia, pengurusan kewangan, dan masalah undang-undang), pembangunan dan pelaksanaan program, dana dan pendapatan, kepelbagaian, perkongsian dan kolaborasi, penilaian, perubahan dasar, pemasaran, perancangan, dan lain-lain.

Pemeriksaan manusia juga turut menjadi teras kepada pembangunan manusia yang berteraskan kepada kesejahteraan manusia dan kelestarian alam sekitar. Pemeriksaan ini boleh dilaksanakan melalui peningkatan keupayaan dan kompetensi individu. Usaha untuk meningkatkan keupayaan ini perlu berlaku pada peringkat makro iaitu kewujudan dan kebolehan sesebuah organisasi dalam menyediakan pelaburan yang mencukupi untuk memperkasakan individu ke arah komuniti lestari. Usaha yang sama juga perlu ada pada peringkat mikro bagi memanfaatkan peluang yang ada demi membina keupayaan individu dan menggalakkan individu untuk terus mengamalkan amalan penggunaan lestari (Abdul Rahman 2003).

Pembinaan keupayaan merupakan satu proses jangka panjang dan berterusan yang dijalankan oleh beberapa agen. Agen pembinaan keupayaan merupakan pihak berkepentingan seperti kerajaan, NGO, pihak swasta dan masyarakat itu sendiri. Pihak tersebut memberikan pendidikan secara langsung atau tidak langsung melalui program-program yang dijalankan seperti latihan, kempen, kursus, seminar dan lain-lain aktiviti yang boleh meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kesedaran masyarakat terhadap isu yang diketengahkan.

Pendidikan dilihat sebagai satu instrumen yang penting dalam mendidik masyarakat ke arah kelestarian. Hal ini demikian kerana pendidikan mampu untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada individu tentang pentingnya memelihara dan memulihara alam sekitar di samping melahirkan pengguna yang lestari. Pembinaan pengetahuan, kemahiran serta keupayaan untuk bersaing merupakan elemen penting dalam mendidik masyarakat ke arah kebaikan (Rahmah Ismail & Nor Aini Hj Idris, 2007). Oleh itu, pendidikan adalah penting dalam menyediakan pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan untuk membentuk komuniti lestari.

Amalan penggunaan lestari ini boleh dipupuk pada peringkat rendah lagi di mana ibu bapa memainkan peranan penting dalam memberi didikan awal kepada anak-anak atau dengan istilah lain



pendidikan informal. Amalan ini seharusnya bermula di rumah yang mana ibu bapa perlu mendedahkan anak-anak supaya menjadi pengguna yang lestari (Hasnah Ali et al., 2010). Ibu bapa juga turut dijadikan sebagai *role model* kepada anak-anak dan sekiranya ibu bapa tidak memberikan tauladan yang baik kepada anak-anak tentang kepentingan menjaga alam sekitar, maka bakal lahirlah komuniti yang tidak peka kepada kemusnahan alam sekitar.

Antara amalan kelestarian yang boleh dipraktikkan di rumah adalah amalan penjimatan tenaga sama ada air ataupun elektrik dengan menutup suis atau pili air apabila tidak digunakan. Anak-anak boleh didedahkan dengan amalan menggunakan semula sumber air dari hujan dengan menakung air hujan tersebut untuk tujuan lain seperti untuk menyiram hasil tanaman, mencuci rumah dan sebagainya. Penuaian air (*water harvesting*) ini merupakan salah satu amalan yang mudah untuk dipraktikkan di rumah, dan dapat mengelak pembaziran air. Selain itu, konsep 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*) juga merupakan amalan kelestarian yang mudah dan murah untuk diamalkan. Amalan sebegini mampu untuk mengurangkan penghasilan sisa pepejal terutama di kawasan bandar (Hasnah Ali et al., 2010).

### *Pendidikan informal*

Didikan yang diberikan oleh ibu bapa sejak awal lagi merupakan pendidikan tidak formal tentang amalan kelestarian. Jika semua ibu bapa mendedahkan anak-anak dengan amalan kelestarian dari kecil lagi, tidak mustahil bagi negara untuk membentuk satu komuniti lestari yang memacu pembangunan negara. Peranan kaum wanita juga penting dalam menggalas tanggungjawab untuk meningkatkan kesedaran terhadap pemuliharaan alam sekitar ini kerana lazimnya amalan kelestarian tersebut bermula dari rumah (Wahida Ayob & Nursyuhadah Abd Jalil, 2010). Sebagai pengurus rumah tangga, para ibu berperanan untuk mengamalkan sikap lestari dalam kehidupan seharian dan memberi contoh serta tauladan yang baik kepada anak-anak dalam mengamalkan amalan penggunaan yang lestari. Peranan sebagai pendidik ini bukan hanya tertakluk kepada golongan wanita sahaja tetapi kerjasama dalam sesebuah keluarga juga penting untuk memastikan amalan penggunaan yang lestari ini mampu dilaksanakan.

Penglibatan agensi kerajaan dan bukan kerajaan juga penting dalam memastikan komuniti didedahkan dengan amalan kelestarian. Pembangunan yang pesat menyebabkan pengguna menjadi alpa dalam penjagaan persekitaran, sosial dan ekonomi sehingga melahirkan pengguna yang membazir (Katiman Rostam, 2002; Laily Paim, 2009). Oleh itu, pendidikan bukan formal ini melibatkan aktiviti yang bercorak lebih santai, dan ia dicapai melalui ketekunan sesebuah komuniti dan galakan kerajaan. Pendidikan bukan formal ini turut memberi lebih pengetahuan kepada masyarakat dan ia mampu menimbulkan kesedaran terhadap perubahan yang berlaku terhadap alam sekitar. Kempen atau program yang dianjurkan oleh pihak berkuasa tempatan merupakan salah satu bentuk pendidikan bukan formal yang mampu untuk mendidik komuniti tentang aspek kelestarian. Majlis Perbandaran Sepang misalnya membuat aktiviti gotong-royong dengan kerjasama Persatuan Penduduk Taman Mawar 2 serta Jabatan Kesihatan dan Persekitaran membersihkan kawasan perumahan dalam usaha menjadikan kawasan perumahan sebagai zon bersih dan selamat untuk didiami (Majlis Perbandaran Sepang, 2011).

### *Pendidikan formal*

Peranan pendidikan formal di sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi juga mampu untuk membentuk komuniti yang lestari dengan menyediakan sukatan pelajaran yang menerapkan elemen-elemen alam sekitar. Pendidikan alam sekitar memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai bagaimana manusia menguruskan alam sekitar dengan penuh tanggungjawab demi kesejahteraan bersama (Jabatan Alam Sekitar, 2004). Pembentukan sekolah lestari merupakan satu usaha dalam melaksanakan Dasar Alam Sekitar Negara yang boleh digunakan untuk membentuk pelajar yang mengikuti amalan lestari sekali gus membentuk komuniti lestari. Matlamat penubuhan sekolah lestari ini adalah untuk memupuk semangat mesra alam dalam kalangan pelajar dan guru serta meningkatkan kerjasama antara

sekolah dan komuniti dalam menjayakan pendidikan alam sekitar (Jabatan Alam Sekitar, 2004). Terdapat empat komponen utama dalam penubuhan sekolah lestari iaitu:

a) Pengurusan

Komponen pengurusan ini melibatkan usaha bersepadu daripada pihak sekolah seperti penglibatan para guru, pelajar, PIBG, masyarakat setempat serta agensi kerajaan dalam merangka strategi dan pelan tindakan dalam menjayakan aktiviti sekolah lestari. Jika di rumah amalan 3R menjadi keutamaan tetapi di peringkat sekolah amalan 5R diberi fokus utama iaitu *Rethink, Repair, Reuse, Reduce* dan *Recycle*. Para pelajar didedahkan dengan amalan 'fikir dahulu sebelum buang' dan membaik pulih sesuatu barangan terlebih dahulu sebelum ianya terus dibuang.

b) Kurikulum

Ianya merujuk kepada penerapan pendidikan alam sekitar melalui pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Mata pelajaran seperti Kajian Tempatan dan Geografi mampu untuk memupuk amalan kelestarian sekiranya sukatan pelajaran tersebut dirangka semula dengan menerapkan unsur pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Ini akan membolehkan pelajar dan para guru untuk menghargai sumber alam yang tidak ternilai harganya dengan mengambil langkah-langkah penjagaan yang tertentu.

c) Ko-kurikulum

Komponen ko-kurikulum ini berkait rapat dengan aktiviti di luar waktu pembelajaran yang mana ianya wujud dalam tiga bentuk iaitu badan beruniform, kelab/persatuan dan sukan/permainan. Penubuhan kelab atau persatuan yang menjurus ke arah kelestarian adalah seperti Kelab Alam Sekitar dan Persatuan Pengakap dapat memupuk semangat cintakan alam sekitar dan para pelajar dapat mempelajari pelbagai kaedah untuk melindungi alam sekitar selain mampu untuk mendidik masyarakat tentang penting hidup dalam persekitaran yang bersih dan selamat. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti aktiviti berkhemah di hutan dengan tujuan menikmati keindahan alam semula jadi dan kegiatan gotong-royong di kawasan sekolah.

d) Penghijauan

Aktiviti penghijauan ini bertujuan untuk mengindahkan kawasan sekolah selain meningkatkan mutu persekitaran di sekolah. Ia tidak hanya terhad kepada aktiviti penanaman pokok mahupun bunga tetapi juga merangkumi amalan-amalan kelestarian seperti penjimatan air dan elektrik, pengurusan sisa pepejal secara efisien serta amalan kitar semula bahan terpakai. Aktiviti yang sering dikaitkan dengan penghijauan adalah seperti membina taman herba, pertandingan kitar semula bahan terpakai dan pameran alam sekitar.

Pendidikan formal di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah adalah perlu dalam mendidik para pelajar untuk menjaga persekitaran dengan baik. Ini kerana persekitaran mampu mempengaruhi kualiti hidup seseorang dan sekiranya seseorang hidup dalam persekitaran yang tercemar maka kualiti hidup akan merosot. Kualiti hidup bukan hanya diukur berdasarkan pendapatan malah juga persekitaran yang didiami oleh seseorang (Raman Mariyappan 2003; Laily Paim 2009).

Institusi pengajian tinggi juga berperanan dalam melahirkan komuniti lestari, dan ini dapat dilakukan melalui pelbagai aktiviti atau kempen. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) contohnya telah mengorak langkah untuk melaksanakan konsep dan dasar kelestarian dalam kampus. Antara inisiatif yang telah diambil adalah mewujudkan hutan simpan UKM. Selain itu, pelbagai kempen kelestarian turut diadakan seperti kitar semula, dan kempen penjimatan air dan elektrik. Para siswa tidak terkecuali daripada mempelajari ilmu alam sekitar yang mampu untuk memberi lebih pengetahuan serta kemahiran dalam menguruskan persekitaran.

Universiti Sains Malaysia (USM) juga tidak terkecuali daripada memupuk gaya hidup lestari di kampus. Ini dapat dilihat apabila USM terlibat dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan seperti ‘*Cleaner, Greener and Safer Penang*’ dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Bukit Gedong untuk membersihkan Sungai Keluang selain mengadakan pameran alam sekitar yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada orang ramai terhadap kepentingan menjaga alam sekitar. Ini menunjukkan bahawa pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar memerlukan pendekatan yang bersepadu. Jika sebelum ini, agensi kerajaan dilihat sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam penjagaan persekitaran ini, namun, kini tanggapan tersebut telah berubah dan semua pihak baik orang-perseorangan mahupun agensi bukan kerajaan bersama-sama berusaha untuk memastikan persekitaran mapan dapat dibentuk (Raman Mariyappan 2003).

### *Peranan media massa*

Perlakuan komuniti sebagai pengguna sering dipengaruhi oleh media massa sama ada media elektronik mahupun media cetak (Abdul Razak Kamaruddin & Maznah Salleh 2010). Dengan itu, media berperanan dalam menyebarkan kepentingan amalan penggunaan lestari. Kini, banyak iklan serta pesanan daripada kerajaan menerusi media tentang penjagaan alam sekitar serta amalan kehidupan lestari. Penggunaan internet juga memudahkan pengguna mendapatkan maklumat tentang cara hidup lestari di samping berkongsi maklumat dengan pengguna lain tentang gaya hidup lestari. Menurut Schramm (1964) dalam Che Su Mustaffa (2003) media massa berperanan sebagai alat komunikasi agar komuniti lebih peka kepada persekitaran yang sentiasa berubah dan mampu untuk membuat adaptasi terhadap perubahan tersebut. Malah, media massa mempunyai tiga fungsi utama iaitu pertama, sebagai pemberi maklumat, medium langsung dalam menyampaikan maklumat dan pendidikan, yang sekaligus dapat mendidik masyarakat tentang amalan kehidupan dan pengganda sumber daya pengetahuan (Hedebro, 1979 dalam Che Su Mustaffa 2003).

### *Peranan undang-undang*

Undang-undang memainkan peranan penting dalam pengurusan alam sekitar. Di Malaysia, kewujudan perundangan yang berkaitan dengan alam sekitar telah lama wujud bagi menangani masalah alam sekitar dan ianya lebih bersifat sektoral (Aiken et al. 1982 dalam Jamaluddin Md. Jahi 2010). Jadual 1 menunjukkan beberapa perundangan berkaitan dengan alam sekitar di Malaysia yang masih bersifat sektoral (Jamaluddin Md. Jahi, 2010).

**Jadual 1. Perundangan berkaitan dengan alam sekitar di Malaysia**

<b>Bil.</b>	<b>Perundangan Berkaitan Alam Sekitar di Malaysia</b>
1.	Enakmen Air, Bab 146, 1920
2.	Enakmen Perlombongan, Bab 147, 1929
3.	Ordinan Sumber Asli, 1949
4.	Ordinan Jualan Makanan dan Dadah, No. 28 & LN 537, 1952
5.	Akta Pemuliharaan Tanah, Akta 3, 1960
6.	Akta Survei Geologi, Akta 129, 1974
7.	Akta Perbandaran & Lembaga Bandaraan (Pindaan), Akta A289, 1975
8.	Akta Taman Negara, Akta 226, 1980
9.	Akta Perkhidmatan Pembentukan, akta 514, 1994
10.	Akta Pembangunan Mineral, Akta 525, 1994

Sumber: Diubahsuai daripada Jamaluddin Md Jahi 1991, 1996a, 2010

Perundangan yang bersifat sektoral ini menyebabkan pengurusan alam sekitar di Malaysia sukar dilaksanakan terutama yang melibatkan masalah pencemaran yang kompleks. Selain itu, wujud pertindihan kuasa antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri dalam urus tadbir urusan persekitaran selain kekaburan cara pelaksanaan undang-undang tersebut (Tuan Pah Rokiah et al., 2004; Jamaluddin, 2010). Malah dalam kalangan pegawai penguatkuasa pihak berkuasa tempatan, wujud yang kurang pengetahuan terhadap perundangan persekitaran. Hal ini menyebabkan undang-undang mengenai pengurusan alam sekitar seolah-olah tidak berfungsi dalam menangani masalah alam sekitar (Jamaluddin Md. Jahi, 2010).

Agensi penguatkuasa juga perlu bersikap lebih tegas dalam melaksanakan undang-undang dengan mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya ada pihak yang didapati merosakkan alam sekitar. Kelemahan penguatkuasaan ini menyebabkan masalah alam sekitar ini sukar untuk dibendung (Jamaluddin Md. Jahi, 2010). Pembentukan komuniti lestari menuntut komuniti untuk patuh kepada peraturan yang ditetapkan dan berusaha sedaya upaya untuk tidak melanggar segala akta perundangan yang ditetapkan. Konsep 'pencemar membayar' dilihat mampu untuk memberi kesedaran kepada semua pihak kerana pencemar akan menanggung semua kos kerosakan alam sekitar yang disebabkan oleh aktiviti yang dijalankan (Jamaluddin Md. Jahi, 2010). Dengan adanya peraturan sedemikian, diharap setiap individu atau perusahaan akan lebih bertanggungjawab dalam menjalankan apa jua aktiviti kerana setiap pencemaran atau kerosakan alam sekitar yang berlaku melibatkan kos.

## Kesimpulan

Amalan penggunaan yang berlebihan serta gaya hidup berasaskan material jelas memberikan impak yang negatif terhadap alam sekitar. Oleh itu, masyarakat perlu diperkasakan melalui pendidikan, media massa dan penguatkuasaan undang-undang. Pendidikan merupakan strategi penting dalam membentuk pembangunan manusia. Ia mampu memberi pengetahuan dan kesedaran kepada individu untuk menjadi lebih peka kepada pembangunan lestari. Komuniti lestari perlu dibentuk memandangkan masalah alam sekitar semakin berleluasa terutama di kawasan bandar. Oleh itu, program yang dijalankan terutamanya kempen perlulah mesra pengguna dan memberi penekanan kepada kemahiran bertindak berdasarkan pengetahuan. Di samping itu, kempen-kempen juga perlu lebih fokus kepada proses penggunaan dan bagaimana penggunaan boleh membawa kerosakan alam sekitar agar kempen ini lebih berkesan dan mampu mengubah amalan daripada penggunaan tidak lestari kepada lestari.

Masyarakat tidak dapat lari daripada penggunaan media massa. Di zaman yang serba moden ini, media massa memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat kepada pengguna. Pelbagai program dipaparkan di kaca televisyen tentang pentingnya amalan kesederhanaan dalam kehidupan. Bukan itu sahaja, program berbentuk interaktif mampu memupuk semangat menjaga alam sekitar. Media cetak mahupun media elektronik dapat memaparkan kepentingan penjagaan biodiversiti dan isu-isu khusus tentang amalan penggunaan di Malaysia. Setiap strategi yang dinyatakan merupakan antara usaha untuk memperkasakan masyarakat untuk mengamalkan penggunaan secara lestari. Pelbagai pihak juga turut bekerjasama dalam memberikan pengetahuan dan kesedaran tentang pentingnya penggunaan lestari. Program atau kempen yang dijalankan bagi meningkatkan tahap kesedaran masyarakat terhadap amalan penggunaan lestari ini perlu diperkukuhkan bagi menarik kembali minat masyarakat untuk terlibat dalam program tersebut. Namun kejayaan program atau kempen yang dijalankan bergantung kepada individu itu sendiri kerana di Malaysia belum ada undang-undang yang mewajibkan amalan penggunaan lestari. Oleh itu, kesedaran perlu ada pada setiap individu dan diharapkan dengan adanya penambahbaikan terhadap program yang berorientasikan pengguna maka amalan penggunaan lestari ini dapat dipupuk. Pihak kerajaan, swasta mahupun NGO digalakkan untuk memberikan pendidikan berterusan kepada pengguna melalui pendekatan yang bersifat dari masyarakat kepada kerajaan (*bottom-up*) agar masyarakat turut berpeluang untuk menyuarakan cadangan, idea mahupun masalah, dalam usaha untuk membentuk komuniti lestari. Tadbir urus alam sekitar yang berkesan memerlukan kerjasama semua pihak bagi membawa masyarakat ke arah pembangunan lestari.

## Rujukan

- Abdul Rahman Embong (2003) *Pembangunan dan Kesejahteraan: Agenda Kemanusiaan Abad ke 21*. PenerbitUniversitiKebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abdul Razak Kamaruddin & Maznah Salleh (2010) The Importance of Social Marketing in Promoting Sustainable Consumption. *Prosiding Seminar Kebangsaan MACFEA Ke 14*, pp. 534-544.
- Abdul Samad Hadi, Shaharudin Idrus & Abdul Hadi Harman Shah (2004) Persekitaran Bandar Lestari untuk Kesejahteraan Komuniti. *Malaysian Journal of Environmental Management* 5: 3-29.
- Ahmad Syahir Sarani. 2009. Kehidupan Berkualiti. In: Mahmood ZuhdiHj. Ab. Majid et al. *Pendekatan Pembangunan Peradaban*, pp. 375-467. Yayasan Dakwah Islamiah, Kuala Lumpur.
- Bernama. 2006. Kekangan punca PBT tidak berkesan menguruskan alam sekitar. [Cited 22 November 2015]. Available from [http://www.bernama.com.my/bernama/v3/bm/news\\_lite.php?id=234185](http://www.bernama.com.my/bernama/v3/bm/news_lite.php?id=234185)
- Che Su Mustaffa (2003) Komunikasi Pembangunan Sebagai Agen Perubahan dalam Menyampaikan Mesej Pembangunan. In: Dani Salleh& Abdul Rahman Aziz (eds) *Asas Kefahaman Pengurusan Pembangunan*, pp. 153-162. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Clapp J (2002) The distancing of waste: Overconsumption in a global economy. In: Princen T, Maniates M & Conca K (eds) *Confronting Consumption*, pp. 155-176.
- Ibrahim Ngah (2009)Ke Arah Pembentukan Komuniti Lestari. In: Yahaya Ibrahim (eds) *Komuniti, Pembangunan & Transformasi*, pp. 267-274. UniversitiKebangsaan Malaysia, Bangi.
- Hasnah Ali, Dody Dermawan, Noraziah Ali, Maznah Ibrahim & SarifahYaacob (2012) Masyarakat dan amalan pengurusan sisa pepejal kearah kelestarian komuniti: Kes isirumah wanita di Bandar Baru Bangi, Malaysia. *GEOGRAFIA Malaysia Journal of Society and Space* 8(54): 64-75.
- Hasnah Ali, Noraziah Ali, Maznah Ibrahim, Asmah Bee, SyarifahYaacob&Nur' Jila Mohammad (2010)PenggunaanKitarSemulaKeArahKelestarianAlamSekitar.*Prosiding Seminar Kebangsaan MACFEA ke 14*, pp. 393-406.
- Jabatan Alam Sekitar (2004)*Asas Pembentukan Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar*. Putrajaya.
- Jamaluddin Md. Jahi (2010) Pengurusan Alam Sekitar di Malaysia: Dari Stockholm ke Rio de Janeiro dan Seterusnya. SyarahanPerdana. UniversitiKebangsaan Malaysia, Bangi.
- Katiman Rostam(2002)AlamSekitarManusia. In:KatimanRostam. PrinsipAsasPersekitaran Manusia, pp. 33-57. UniversitiKebangsaan Malaysia, Bangi.
- Katiman Rostam & Asmah Ahmad (2006) *Penilaian dan Pengurusan Sumber Alam*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kollmuss A& Agyeman J (2002) Mind the gap: Why do people act environmentally and what are the barriers to pro-environmental behaviour?. *Environmental Education Research* 8(3): 239-260.
- Laily Paim (2009) Penggunaan Lestari: Bagaimana? In: Laily Hj. Paim, Aini Mat Said & Sharifah Azizah Haron (eds) *Penggunaan Lestari Antara Realiti dan Cabaran*, pp. 130-150. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Laily Paim & Syuhaily Osman (2005) Penggunaan dan kualiti hidup. In: Nurizan Yahaya, Mohd Amim Othman & Sharifah Azizah Haron (eds) *Pengguna dalam Pembangunan*, pp. 44-67. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Laily Paim, Sharifah Azizah & Haron Aini Mat Said(2009) Perkaitan antara nilai, sikap, perlakuan prososial dan gaya hidup. In: Laily Hj. Paim, Aini Mat Said & Sharifah Azizah Haron (eds) *Penggunaan Lestari Antara Realiti dan Cabaran*, pp. 130-150. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Linnell D (2003) Evaluation of capacity building: Lessons from the field. Alliance for Nonprofit Management, Washington, DC.

- Majlis Perbandaran Sepang (2011) [cited 15 Disember 2015]. Available from [http://www.mpsepang.gov.my/kerajaan\\_kakitangan/tentang\\_mp\\_sepang/latar\\_belakang\\_mpsepang](http://www.mpsepang.gov.my/kerajaan_kakitangan/tentang_mp_sepang/latar_belakang_mpsepang)
- Maniates M (2002) In search of consumptive resistance: The Voluntary simplicity Movement. In: Princen T, Maniates M & Conca K (eds) *Confronting Consumption*, pp. 199-236. The MIT Press Cambridge, Massachusetts London, England.
- MarianiHmbug (2008) Kesedaran Pembangunan Lestari DiperingkatAwalUmur Kanak-Kanak. Tesis, FalkutiKejuruteraanAwam, UniversitiTeknologi Malaysia.
- Mohamad Fazli Sabri & Jariah Masud (2005) Kewangan pengguna: Isu dan cabaran. Dlm Nurizan Yahaya, Mohd Amim Othman & Sharifah Azizah Haron (eds) *Pengguna dalam Pembangunan*, pp. 219-231. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Magrabi FM, Chung YS, Cha SS & Yang S (1991) *The Economics of Household Consumption*. Praeger Publisher, New York.
- Norhasmah Sulaiman, Shamsul Azhari Zainal Badari (2002) Penggunaan lestari dan kualiti hidup: ke arah kehidupan yang lebih sejahtera. *Jurnal Pengguna Malaysia*. Jilid4: 45-58.
- Nik Fuad Mohd Kamil & Noraien Mansor (2007) *Penghidupan Mapan*. Universiti Malaysia Terengganu, Kuala Terengganu.
- Nur Nabillah Abdullah (2008) Kajian Terhadap Kehidupan Lestari Penempatan Kejiranan Industri: Kajian Kes Di Pasir Gudang. Tesis, Falkuti Kejuruteraan Awam, UniversitiTeknologi Malaysia.
- Princen T (1999) Consumption and environment: some conceptual issues. *Ecological Economic* 31: 347-36
- Rahmah Ismail & NorAini Hj Idris (2007) Globalisasi dan Daya Saing Global: SatuTinjauan. Dalam: Rahmah Ismail, Nor Aini Hj. Idris & Razak Mohd (eds) *Pembangunan SumberManusia dalam Era KEconomy*, pp. 17-32. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Raman Mariyappan (2003) Geografi dan Pembangunan. In: Dani Salleh& Abdul Rahman Aziz (eds) *Asas Kefahaman Pengurusan Pembangunan*, pp. 93-102. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Ruhizan Mohamad Yasin & Norzaini Azman (2005) Kelestarian pendidikan menerusi program pendidikan guru di Fakulti Pendidikan UKM. *Prosiding Seminar Pendidikan Pendidikan untuk Pembangunan Lestari*, pp. 761-764.
- Rozilah Kasim, Abd Razak Ahmad & Sabariah Eni (n.d). The Neighborhood Facilities and the Sustainable Communities Agenda: An Overview. [Cited 15 November 2015]. Available from [http://eprints.uthm.edu.my/388/1/rozilah\\_kasim\\_3.pdf](http://eprints.uthm.edu.my/388/1/rozilah_kasim_3.pdf)
- Seow Ta Wee, Jamaluddin MdJahi&InderaSyahrul Mat Radzuan (2010) Tingkah Laku MasyarakatTerhadap Program KitarSemula: KajianKes Di Daerah BatuPahat. [cited 19 November 2015]. Available from <http://sssums.files.wordpress.com/2007/09/tingkah-laku-masyarakat-terhadap-program-kitar-semula-kajian-kes-di-daerah-batu-pahat.pdf>
- Siti Marziah Zakaria (2008) Sustainable consumption practices among civil servants in Perak and Kedah. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Teuku Afrizal & Abdul Rahman Embong (2013) Komuniti dan Pengurusan Persekitaran: BeberapaPengalaman Malaysia, Bangladesh, Zambia dan Vietnam. *Kajian Malaysia* 31(2): 65-86.
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain, Wahida Ayob& Hamidi Ismail (2004) Pembangunan Mapan: Tuntutan Alam dan Kepentingan Manusia. In: Dani Salleh (eds)*Pembangunan Komuniti: Dasar, Konsep, StrategidanIsu di Malaysia*, pp. 225-236. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- United Nation (2011) Agenda 21, Section I, Chapter 4: Changing Consumption. [Cited 12 November 2015]. Available from [http://www.un.org/esa/dsd/agenda21/res\\_agenda21\\_04.shtml](http://www.un.org/esa/dsd/agenda21/res_agenda21_04.shtml)MIT Press Cambridge, Massachusetts London England.
- United Nation. Our Common Future, Chapter 2: Towards sustainable Development. [Cited 26 November 2015]. Available from <http://www.un-documents.net/ocf-02.htm>

- Wahida Ayob & Nursyuhadah Abd Jalil(2010) Peranan Wanita sebagai Agen Sosialisasi Generasi Baru (pendidik di kalangan ahli keluarga) BerhubungIsu-isuAlamSekitar.[Cited 16 November 2015]. Available from <http://repo.uum.edu.my/2740/>
- Welford R (2010) Sustainable consumption and the challenge of ISO 26000. *CSR Asia*, Vol.6 Week 43. [Cited 3 November 2015]. Available from <http://www.csr-asia.com/>
- Wright RT (2005) *Environmental Science toward a sustainable future*. Ed.ke-9. Pearson Prentice Hall, USA.
- Zaini Ujang 2008. Gaya hidup lestari. [Cited 26 November 2015]. Available from [http://www.cheme.utm.my/staff/zaini/images/ DOCUMENTS/ gaya-hidup-lestari1ogos2008.pdf](http://www.cheme.utm.my/staff/zaini/images/DOCUMENTS/gaya-hidup-lestari1ogos2008.pdf)
- Zumilah Zainalaludin (2005) Pengguna dan pengangkutan awam. In: Nurizan Yahaya, Mohd Amim Othman & Sharifah Azizah Haron (eds) *Pengguna dalam Pembangunan*, pp. 232-248. Universiti Putra Malaysia, Serdang.